

**ISU DALAM PENULISAN DAN PENGGUNAAN BUKU  
TEKS BAHASA JEPUN KURIKULUM BERSEPADU  
SEKOLAH MENENGAH TINGKATAN LIMA**

***(ISSUES IN THE WRITING AND USAGE OF THE  
JAPANESE LANGUAGE TEXTBOOK FOR FORM FIVE  
IN SECONDARY SCHOOLS)***

Jamila Mohd<sup>1</sup>, Ooi Guan Lee<sup>2</sup>, Kitade Rie<sup>3</sup>

<sup>1</sup>*Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya*  
[jamila@um.edu.my](mailto:jamila@um.edu.my)

<sup>2</sup>*Sekolah Menengah Sains Kepala Batas, Pulau Pinang*  
[ooiguanlee@hotmail.com](mailto:ooiguanlee@hotmail.com)

<sup>3</sup>*Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya*  
[kitade@um.edu.my](mailto:kitade@um.edu.my)

**ABSTRAK**

*Pada awal tahun 2015, Buku Teks Bahasa Jepun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Tingkatan Lima telah mula digunakan oleh murid-murid bahasa Jepun Tingkatan Lima di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia. Buku teks ini telah dihasilkan dengan teliti berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun Tingkatan Lima, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebelum proses penulisan bermula, satu kajian dijalankan berkaitan dengan keperluan semasa murid-murid bahasa Jepun Tingkatan Lima. Artikel ini menyorot isu dalam penulisan dan penggunaan buku teks ini. Antara cabaran utama dalam penulisan ialah pemetaan berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun Tingkatan Lima, jumlah muka surat, muka surat berwarna serta hak cipta sumber sokongan. Satu kajian telah dijalankan bagi mendapatkan gambaran jelas tentang penggunaan buku teks ini di sekolah menengah. Hasil dapatan menunjukkan bahawa buku teks ini diterima baik dan mendapat maklum balas positif. Walau bagaimanapun, analisis kajian juga mendapati kandungan buku teks dan jumlah jam kelas bahasa Jepun adalah tidak seimbang, malahan terdapat permintaan pengisian latihan-latihan ulangkaji berasaskan format Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (Bahasa Jepun). Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan sebilangan guru bahasa Jepun kurang mahir dalam menggunakan buku teks*

*ini. Perkara-perkara ini boleh menyebabkan murid-murid bahasa Jepun tidak dapat mempelajari kesemua silibus penting bahasa Jepun yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Semua pihak yang terlibat perlu proaktif dalam menangani perkara ini agar buku teks yang dihasilkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.*

**Kata Kunci:** Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima, Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun, jumlah muka surat, jam pengajaran di sekolah

## **ABSTRACT**

*In early 2015, the Japanese language textbook for Form Five had started to be in use in secondary schools throughout Malaysia. This textbook has been produced meticulously based on the requirements of the Syllabus of the Japanese Language for Form Five, Curriculum Development Division, Ministry of Education, Malaysia. It also takes into account the needs of students through a survey carried out prior to the writing. This article outlines the issues arising from the writing and usage of this textbook. Among the challenges in writing include syllabus mapping, number of pages, colour pages and copyright of the support resources. A survey was conducted to gauge the efficacy of this textbook in secondary schools. The results show that the textbook is widely accepted and received positive feedbacks. However, the analysis also shows a significant imbalance between the amount of content in the syllabus in the textbook and the allocated teaching hours. Other issues raised include the need for revision drills based on the International Language (Japanese) Achievement Examination format and to address teachers who lack the proficiency to use this textbook. These issues could lead to students not finishing the mandatory syllabus of the Japanese language that has been decided by Ministry of Education, Malaysia. All parties involved must find ways to overcome these matters to maximize the implementation of this textbook.*

**Keywords:** Japanese language textbook for Form Five, Japanese language syllabus, number of pages, teaching hours in school

## LATAR BELAKANG


Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan bahawa: “Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

Sejajar dengan aspirasi tersebut, kurikulum bahasa-bahasa antarabangsa diwujudkan di sekolah bertujuan untuk menyepadukan elemen terkini dalam pendidikan, memenuhi semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan menyediakan murid untuk menghadapi cabaran pendidikan dunia tanpa sempadan. Usaha murni ini diharapkan dapat melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan berkebolehan dalam pelbagai bahasa ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Di bawah Akta Pendidikan 1996, bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis dan bahasa Jerman diperkenalkan di sekolah menengah. Sehingga kini, terdapat enam bahasa asing selain daripada bahasa Inggeris yang diajarkan di sekolah-sekolah menengah terpilih di Malaysia iaitu bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Jerman, bahasa Mandarin dan yang terkini bahasa Korea.

Pada tahun 2016, bahasa Jepun diajarkan di 133 buah sekolah menengah di Malaysia dengan pecahan 77 buah sekolah harian dan 56 buah sekolah berasrama penuh yang menunjukkan pertambahan jumlah sekolah saban tahun. Sekolah-sekolah ini menggunakan Buku Teks Bahasa Jepun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang telah diedarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengedarkan Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Empat secara berperingkat untuk kegunaan di sekolah-sekolah menengah. Proses penghasilan

Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima telah dimulakan pada penghujung tahun 2013. Buku teks yang dihasilkan telah digunakan oleh murid-murid bahasa Jepun Tingkatan Lima di sekolah-sekolah menengah di seluruh Malaysia pada awal tahun 2015.



Rajah 1: Kulit Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima

## PRA PENGHASILAN BUKU TEKS

Penulis ialah juga penulis Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima. Sebelum buku teks ini dihasilkan, terdapat beberapa ketetapan yang perlu dipatuhi. Antaranya adalah dari segi tema dan bilangan muka surat. Tema-tema yang perlu diketengahkan adalah seperti berikut:

- a. diri sendiri
- b. keluarga dan rakan
- c. sekolah
- d. bandar dan komuniti
- e. negara

Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima perlu mempunyai sebanyak 274 muka surat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk jawapan contoh dan lampiran yang meliputi senarai kosa kata, *Kanji*, struktur ayat, skrip pendengaran, indeks dan sumber rujukan.

Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima juga perlu dihasilkan selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Kemahiran-kemahiran abad ke 21 seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkolaborasi dan kemahiran berkomunikasi perlu diselitkan dalam penghasilan Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima. Kepelbagaian pendekatan perlu diketengahkan seperti aktiviti berpusatkan murid dan aktiviti yang berhubungkait dengan dunia sebenar yang relevan dan bermakna.

Sumber-sumber sokongan seperti maklumat tambahan, foto dan laman sesawang perlu bermanfaat dan bermakna. Namun, isu hak cipta sumber-sumber sokongan tersebut perlu diberikan perhatian yang sewajarnya.

Memandangkan Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum dan budaya, aspek-aspek sensitif yang berkaitan agama dan budaya perlu dihindarkan. Malahan perlu ada inisiatif untuk memaparkan nilai-nilai murni serta aspek-aspek yang menjurus kepada perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia.

## **PENGHASILAN BUKU TEKS**

Sebelum Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima dihasilkan, satu sesi pemetaan secara menyeluruh telah dilaksanakan. Pemetaan tersebut meliputi semua aspek ketetapan yang dinyatakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia dan hasil dapatan analisis keperluan yang telah dilaksanakan ke atas murid-murid sekolah menengah.

## Penentuan Konsep dan Kandungan Buku Teks

Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima dihasilkan berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun Tingkatan Lima, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima ini mengandungi lima bab yang meliputi lima tema iaitu diri sendiri, rakan dan keluarga, sekolah, bandar dan komuniti serta negara.

Penghasilan Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima telah mengadaptasikan konsep rumah Jepun. Paparan kandungan setiap bab dimulakan dengan 玄関 (pintu masuk) diikuti dengan 言葉の部屋 (kamar kosa kata), 漢字の部屋 (kamar *Kanji*), 文型の部屋 (kamar struktur ayat), ステップアップ (*step-up* - tahap lanjutan), Jendela Minda dan diakhiri dengan 川柳 (puisi *Senryuu*).

Selain itu, setiap bab dibahagikan kepada dua fasa pembelajaran. Memandangkan tahap pembelajaran dan tahap penguasaan setiap murid adalah berbeza dan pelbagai, buku teks ini menyediakan dua tahap penguasaan pembelajaran. Tahap penguasaan pembelajaran yang pertama meliputi tahap minima yang perlu dicapai manakala tahap penguasaan pembelajaran yang kedua pula merangkumi tahap penguasaan pembelajaran lanjutan.

Dalam fasa kedua pembelajaran, murid-murid diberikan peluang untuk berhadapan dengan topik-topik dan situasi-situasi yang bermakna serta menguji kematangan berfikir murid-murid bahasa Jepun dalam menangani isu-isu seperti masa hadapan, masalah rakan, masalah keluarga dan isu masyarakat, Kandungan pembelajaran lanjutan ini diletakkan pada bahagian ステップアップ (*step-up* - tahap lanjutan)

Tambahan pula, buku teks ini bukan sahaja menyediakan bahagian yang membolehkan murid-murid bahasa Jepun memahami keadaan kehidupan masyarakat Jepun, malah disediakan maklumat-maklumat yang meliputi kerja sampingan, rumah Jepun, resipi dan cara penyediaan masakan *okonomiyaki*, *universal design* dan sebagainya.

## Penentuan Topik dalam Buku Teks

Sebanyak lima topik ditentukan berdasarkan lima tema dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun Tingkatan Lima Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Penghasilan topik-topik tersebut adalah berdasarkan kemahiran pembelajaran dalam Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Lima dan hasil dapatan kajian ringkas yang dilakukan penulis berkaitan dengan keperluan murid-murid bahasa Jepun di sekolah menengah. Secara umumnya, ketentuan topik-topik tersebut adalah untuk menyediakan murid-murid bahasa Jepun Tingkatan Lima memperlengkap diri dengan haluan dan cadangan yang bakal mereka hadapi selepas menamatkan sesi pembelajaran di sekolah menengah nanti.

Berdasarkan tema-tema yang dinyatakan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Lima Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, paparan lima tema berserta lima topik ditentukan seperti dalam jadual yang berikut.

Tema : テーマ (Ketetapan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia)	Topik : トピック (Ketetapan penulis buku teks bahasa Jepun Tingkatan Lima)
Saya 私	Pekerjaan Masa Hadapan しょう来の しごと
Saya dan Keluarga dan Rakan 私と 家族と 友達	Keluarga dan Rakan かぞくと 友だち
Saya dan Sekolah 私と 学校	Aktiviti Pengantarabangsaan Sekolah 学校の こうりゅうかつどう
Saya dan Komuniti 私と 社会	Kita dan Alam Persekitaran 私たちと しぜん
Saya dan Dunia 私と 世界	Pertemuan Baharu 新しい 出会い

Jadual 1 : Tema dan Topik dalam Buku Teks Bahasa Jepun  
KBSM Tingkatan Lima

## **Justifikasi antara Tema dan Topik dalam Buku Teks**

Berdasarkan lima tema yang dinyatakan dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun Tingkatan Lima, topik-topik ditetapkan dengan mengambilkira hasil dapatan kajian ringkas yang dijalankan penulis berkaitan dengan keperluan murid dan isu-isu masa kini yang relevan dengan tema sepertimana yang dipaparkan dalam media masa.

Bagi tema pertama iaitu ‘Saya’, ‘Pekerjaan Masa Hadapan’ dijadikan topik pembelajaran. Murid-murid bahasa Jepun Tingkatan Lima perlu mula merancang dan membuat persediaan bagi masa hadapan supaya mereka didedahkan dengan keperluan masa kini. Secara kasarnya, dimuatkan sedikit gambaran dan hala tuju tentang masa hadapan iaitu selepas menamatkan persekolahan di sekolah menengah. Antara aspek yang diketengahkan adalah seperti isu pekerjaan yang ditawarkan, persediaan yang perlu dilakukan serta praktis temu duga yang bakal dihadapi. Di samping itu, kemahiran berkomunikasi secara berhemah dan sopan juga diberikan penekanan yang sewajarnya.

Tema kedua iaitu ‘Saya dan Keluarga dan Rakan’ pula memaparkan isu-isu yang sering dihadapi murid. Antara isu yang diketengahkan adalah seperti masalah keluarga, masalah remaja dan masalah dalam kalangan rakan sebaya. Murid-murid dibimbing untuk menangani masalah yang dihadapi menerusi aktiviti-aktiviti yang telah dirancang rapi dan berfokus. Pendedahan sedemikian sedikit sebanyak dapat memberikan murid-murid bahasa Jepun latihan dalam mencari jalan penyelesaian secara rasional.

Tema ketiga ialah ‘Saya dan Sekolah’ dan pemilihan topik ‘Aktiviti Pengantarabangsaan Sekolah’ bertepatan dengan tuntutan program pengantarabangsaan dengan sekolah-sekolah di luar negara Malaysia. Keperluan murid-murid bahasa Jepun dilatih dan dibimbing agar mereka mampu berperanan aktif dan bersaing di peringkat antarabangsa. Melalui program lawatan sekolah, murid-murid bahasa Jepun menjalinkan persahabatan dan mengenali budaya negara Jepun di samping meningkatkan jati diri sebagai rakyat Malaysia.



Tema keempat iaitu ‘Saya dan Komuniti’ memaparkan topik ‘Kita dan Alam Persekitaran’. Masalah alam sekitar perlu ditangani sejak di peringkat sekolah lagi. Kesedaran murid-murid bahasa Jepun terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan perlu dipupuk. Budaya Jepun yang sentiasa peka dengan kitaran semula perlu diterapkan dalam kalangan murid-murid bahasa Jepun di Malaysia.

Tema kelima iaitu ‘Saya dan Dunia’ mengutarakan ‘Pertemuan Baharu’ sebagai topik pembelajaran. Topik ini membawa murid-murid bahasa Jepun menilai dan membanding dalam aspek persamaan dan perbezaan di antara Malaysia dengan Jepun. Proses perbandingan sedemikian difikirkan dapat secara tidak langsung meningkatkan tahap identiti diri sebagai seorang warganegara Malaysia di samping meningkatkan semangat jati diri sebagai bangsa Malaysia sepertimana yang dinyatakan dalam objektif pembelajaran bahasa Jepun.



Rajah 2 : Tema dan Topik Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima

Dalam setiap bab, bahagian 文型の部屋 (kamar struktur ayat) memaparkan tatabahasa baharu dengan menggunakan pendekatan penerangan yang panjang lebar dan jelas dengan sebahagiannya beserta

gambar atau ilustrasi bagi memudahkan pemahaman struktur ayat bahasa Jepun.

Dalam Bab 5, peta sebenar laluan kereta api bawah tanah Nagoya dimuatkan serta tempat-tempat pelancongan menarik di Nagoya diperkenalkan bagi memberi pengetahuan sebenar tentang satu contoh sistem pengangkutan di Jepun dan membolehkan murid membuat aktiviti simulasi seolah-olah berada di Jepun.

Dalam Bab 5 juga, legenda cerita rakyat Jepun yang terkenal iaitu “*Urashima Tarou*” diperkenalkan. Pendekatan penceritaan direka secara menarik di mana murid-murid perlu memikirkan kesudahan cerita tersebut. Jawapan kesudahan cerita disediakan pada muka surat belakang sebagai rujukan.

Pada hujung setiap bab, segmen ‘Jendela Minda’ memaparkan artikel menarik yang berkaitan dengan bab tersebut. Artikel yang dikarang mengandungi berbagai maklumat berguna yang dapat menambah pengetahuan murid serta membuka minda mereka ke arah pemahaman budaya serta gaya pemikiran orang Jepun.

Bagi menambahkan nilai estetika pada buku teks ini, tema ilustrasi bermotif 4 musim di Jepun dipilih sebagai latar belakang dan lidah muka surat pada setiap bab. Bab 1 dan Bab 5 berlatarkan musim sejuk, Bab 2 berlatarkan musim bunga, Bab 3 berlatarkan musim panas dan Bab 4 berlatarkan musim luruh.

## **CABARAN DALAM PENGHASILAN BUKU TEKS**

Sebelum Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima dihasilkan, sesi pemetaan secara menyeluruh telah dilaksanakan berdasarkan semua aspek ketetapan yang dinyatakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebagai buku bahasa Jepun sekolah menengah yang berada pada aras tertinggi, pengisiannya juga perlu bersesuaian. Walau bagaimanapun, terdapat ketetapan penggunaan kosa kata, struktur ayat dan *Kanji* yang ditinggalkan untuk buku teks ini berada pada aras yang lebih rendah. Kebanyakan kosa kata telahpun digunakan dalam Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Satu, Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Dua, Buku Teks Bahasa

Jepun KBSM Tingkatan Tiga dan Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Empat. Terdapat struktur ayat laras tinggi telah dimasukkan ke dalam buku-buku teks tersebut dan struktur ayat laras rendah contohnya “～ても/でも” tertinggal dan perlu dimasukkan di dalam buku teks ini.

Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima perlu mempunyai sebanyak 274 muka surat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk jawapan contoh dan lampiran yang meliputi senarai kosa kata, *Kanji*, struktur ayat, skrip pendengaran, indeks dan sumber rujukan. Walaupun menyedari hakikat bahawa tumpuan Tingkatan Lima adalah diletakkan pada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan sesi pengajaran serta pembelajaran kelas bahasa Jepun menjadi bertambah pendek, ketetapan jumlah muka surat ini perlu dipatuhi. Maka terhasillah sebuah buku teks yang dirasakan mempunyai sukatan pelajaran yang padat dan sukar dihabiskan.

Daripada jumlah keseluruhan muka surat, cetakan berwarna adalah sehingga ke muka surat 216 manakala selebihnya adalah dalam bentuk cetakan hitam putih. Namun begitu, terdapat kandungan sebelum muka surat 216 yang tidak memerlukan cetakan berwarna. Sebagai contoh dalam bahagian latihan, senarai kosa kata dan teks petikan. Sebaliknya terdapat kandungan selepas muka surat 216 yang memerlukan cetakan berwarna. Contohnya pada ilustrasi lagenda cerita rakyat Jepun “*Urashima Tarou*” dan gambar-gambar untuk artikel “*ユニークな日本*” (Jepun yang Unik) dalam segmen ‘Jendela Minda’.

Bagi menjadikan buku teks lebih menarik dan mudah difahami, banyak foto dan ilustrasi diperlukan. Walau bagaimanapun, terdapat kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan yang bersesuaian untuk tujuan tersebut. Ada ketikanya, penulis juga perlu turun padang untuk membantu pihak penerbit memperoleh foto atau mendapatkan bahan dan proses tersebut melibatkan masa dan tenaga yang banyak.

Kesukaran juga dihadapi dalam memastikan perolehan kebenaran terhadap hak cipta sesetengah sumber sokongan seperti maklumat tambahan, foto dan laman sesawang. Bagi mengelakkan masalah berbangkit pada masa akan datang, isu hak cipta sumber-sumber sokongan tersebut perlu diberikan perhatian yang sewajarnya.

## KAJIAN PENGGUNAAN BUKU TEKS DI SEKOLAH

Bagi mendapatkan gambaran jelas tentang penggunaan Buku Teks Bahasa Jepun Tingkatan Lima di sekolah, satu kajian telah dijalankan melalui borang soal selidik dan temu bual. Seramai 62 orang guru-guru bahasa Jepun daripada 35 buah sekolah menengah harian dan 27 buah sekolah berasrama penuh terlibat sebagai responden dalam soal selidik ini.

Sebanyak lapan perkara dikemukakan dalam soal selidik ini. Berikut adalah dapatan kajian tersebut:

	Sekolah Menengah Harian	Sekolah Menengah Berasrama Penuh
1. Jenis Sekolah Responden	35 buah sekolah	27 buah sekolah
2. Bilangan murid kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima	3 ~ 25 orang murid	10 ~ 43 orang murid
3. Bilangan jam kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima dalam seminggu	1 jam ~ 2 jam 20 minit	40 minit ~ 2 jam
4. Bilangan jam kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima dijadualkan dalam setahun	20 jam ~ 121 jam	25 jam ~ 90 jam
5. Peratusan kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima dapat sebenarnya dijalankan dalam setahun	38% ~ 100% (purata 73%)	50% ~ 100% (purata 78%)
6. Bahan pengajaran yang digunakan di dalam kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima</li> <li>• Buku rujukan berdasarkan <i>Japanese Language Proficiency</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima</li> <li>• Buku rujukan berdasarkan <i>Japanese Language Proficiency</i></li> </ul>

	<p><i>Test (JLPT) N4 dan N5</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku “みんなの日本語 I”</li> <li>• Buku “にほんご こんにちは”</li> <li>• Bahan dari internet</li> <li>• Bahan pengajaran disediakan guru</li> <li>• Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Empat</li> <li>• Buku “まるごと”</li> </ul>	<p><i>Test (JLPT) N4 dan N5</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku “にほんご こんにちは”</li> <li>• Buku “みんなの日本語 I”</li> <li>• Bahan pengajaran disediakan guru</li> <li>• Latihan soalan-soalan peperiksaan tahun-tahun sebelumnya</li> </ul>
--	--	---

Jadual 2 : Dapatan Kajian Penggunaan Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima

Merujuk dapatan Soalan 3 dan Soalan 4, jelas menunjukkan bilangan jam kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima dalam seminggu dan bilangan jam kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima dalam setahun adalah berbeza di antara sekolah menengah harian dan sekolah menengah berasrama penuh. Malahan, dalam jenis sekolah menengah yang sama juga menunjukkan perbezaan julat bilangan yang ketara.

Dapatan Soalan 5 menunjukkan peratusan jam kelas bahasa Jepun yang dapat sebenarnya dijalankan dalam setahun berbanding jam kelas bahasa Jepun yang dijadualkan dalam setahun. Kedua-dua jenis sekolah menunjukkan peratusan minima dan maksima yang lebih kurang sama dengan catatan peratusan dari 38% hingga 100% di sekolah harian manakala di sekolah menengah berasrama penuh pula mencatatkan peratusan dari 50% hingga 100%. Purata peratusan kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima dapat sebenarnya dijalankan dalam setahun di sekolah menengah harian dan di sekolah berasrama penuh masing-masing mencatatkan 73% dan 78%.

Dapatan Soalan 6 menyenaraikan buku-buku dan bahan-bahan pengajaran bahasa Jepun yang digunakan di sekolah menengah. Hampir keseluruhan responden menyatakan bahawa mereka menggunakan Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima. Namun demikian, terdapat dua orang responden tidak menggunakan buku teks ini dalam

kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima di sekolah mereka. Malahan, seorang responden pula menyatakan Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Empat masih digunakan pada awal tahun dalam kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima bagi menghabiskan keseluruhan sukatan pelajaran Tingkatan Empat sebelum Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima digunakan.

Tambahan kepada soalan-soalan fakta di atas, responden juga ditanyakan tentang masalah di dalam kelas bahasa Jepun Tingkatan Lima merangkumi aspek waktu pengajaran, bilangan murid, kandungan buku teks, buku rujukan dan sebagainya. Terdapat berbagai perkara yang dinyatakan tetapi dapatan yang dianalisis adalah berkaitan dengan penggunaan buku teks sahaja. Dapatan menunjukkan 83% responden daripada sekolah menengah harian dan 67% responden daripada sekolah berasrama penuh menghadapi masalah dengan bilangan jam pengajaran di mana waktu bahasa Jepun sering 'diambil' untuk kegunaan lain seperti kelas tambahan mata pelajaran teras SPM, aktiviti sekolah dan lain-lain. Hal ini mengurangkan bilangan jam pengajaran bahasa Jepun secara mendadak dan seterusnya menyebabkan silibus buku teks Tingkatan Lima tidak dapat dihabiskan. Malahan, terdapat sebilangan sekolah di mana waktu bahasa Jepun berada di luar jadual waktu pengajaran dan pembelajaran. Hal ini menyebabkan waktu kelas tersebut sering digunakan untuk aktiviti sekolah pada waktu petang.

Selain itu, 86% responden daripada sekolah menengah harian dan 70% responden daripada sekolah berasrama penuh menyatakan bahawa isi kandungan atau sukatan pelajaran Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima padat dan bilangan muka surat yang banyak menyebabkan kesukaran para guru bahasa Jepun untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Malahan, terdapat sebilangan responden menyatakan kandungan buku teks tersebut agak sukar.

Akhir sekali, soalan berkaitan dengan jalan penyelesaian yang boleh diambil responden bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi, para responden tidak menyatakan sebarang kaedah penyelesaian berkaitan dengan masalah waktu pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun 'diambil' untuk kegunaan lain seperti kelas tambahan mata pelajaran teras dan aktiviti sekolah. Melalui temu bual yang dijalankan,

responden akur dengan keutamaan yang diberikan pada mata pelajaran teras SPM demi kebaikan murid-murid Tingkatan Lima.

Seterusnya, 69% responden daripada sekolah menengah harian dan 59% responden daripada sekolah berasrama penuh mencadangkan agar isi kandungan atau sukatan pelajaran buku teks dikurangkan bagi membolehkan semua sukatan dapat dihabiskan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Terdapat juga sebilangan responden menyatakan keperluan untuk memuatkan latihan-latihan ulangkaji berasaskan format Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (Bahasa Jepun) dalam buku teks. Murid-murid bahasa Jepun Tingkatan Lima menduduki Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (Bahasa Jepun) pada akhir bulan Julai setiap tahun. Murid-murid bahasa Jepun Tingkatan Lima yang lulus dalam ujian tersebut bakal beroleh sijil sebagai nilai tambah kepada sijil SPM.

Melalui kajian temu bual pula, kebanyakan responden menyatakan Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima menarik, mudah digunakan, mengandungi penerangan yang jelas dan mempunyai berbagai pilihan latihan serta aktiviti yang boleh disesuaikan dengan keperluan murid daripada pelbagai tahap pembelajaran. Walau bagaimanapun, kesemua responden tidak dapat menghabiskan kesemua sukatan pelajaran buku teks ini kerana menghadapi masalah kekangan masa yang kritikal.

## **RUMUSAN DAN PERBINCANGAN**

Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima dihasilkan berdasarkan matlamat dan hasil pembelajaran yang termaktub dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun Tingkatan Lima, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kandungan dan struktur buku teks ini disusun dengan sistematik dan rapi sejajar dengan aspirasi Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun dengan berfokuskan tiga domain kemahiran, iaitu interpersonal, maklumat dan estetik. Buku teks ini juga menggabungkan elemen-elemen pendidikan terkini dalam memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan menyediakan satu pembelajaran yang

komprehensif agar murid berupaya untuk berfikir secara aras tinggi bagi menghadapi cabaran pendidikan dunia tanpa sempadan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang timbul dalam proses penulisan dan penggunaan buku teks ini. Antaranya ialah tahap laras isi kandungan yang sedikit bercampur. Sebagai buku bahasa Jepun sekolah menengah yang berada pada laras tertinggi, tahap laras kosa kata, *Kanji* dan struktur ayat haruslah konsisten. Pemetaan keseluruhan sukatan pelajaran di peringkat awal seharusnya berdasarkan pembahagian mengikut setiap tahap laras Tingkatan Satu, Tingkatan Dua, Tingkatan Tiga, Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.

Selain jumlah muka surat Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima perlu dikaji semula, penetapan muka surat untuk cetakan berwarna atau hitam putih juga perlu diperhalus agar tidak 'mencacatkan rupa' muka surat belakang buku teks.

Berdasarkan hasil kajian terhadap penggunaan Buku Teks Bahasa Jepun KBSM Tingkatan Lima di sekolah, dapat dirumuskan bahawa kandungan buku teks dan jumlah jam kelas bahasa Jepun adalah tidak seimbang. Natiujahnya, murid-murid bahasa Jepun tidak dapat mempelajari kesemua sukatan penting penting bahasa Jepun yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkara ini perlu diambil berat agar tidak merugikan murid-murid pada akhirnya.

Data kajian mendedahkan terdapat banyak permintaan daripada guru-guru bahasa Jepun agar kandungan buku teks Tingkatan Lima juga memuatkan latihan-latihan ulangkaji berasaskan format Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (Bahasa Jepun). Jika perkara ini adalah satu keperluan, maka permintaan ini perlu dikaji dan dilaksanakan. Jika kandungan tersebut tidak sesuai dimuatkan dalam buku teks, Kementerian Pendidikan Malaysia mungkin perlu mempertimbangkan untuk menghasilkan buku kerja bahasa Jepun bagi memenuhi permintaan tersebut.

Kajian juga menunjukkan terdapat sebilangan guru-guru yang kurang mahir dalam menggunakan buku teks ini. Perkara ini perlu diambil berat agar tidak mewujudkan jurang pencapaian dalam kalangan sekolah menengah di Malaysia kerana ini akan merugikan murid-murid. Pihak-pihak yang berkenaan perlulah mengenal pasti dan memberikan bantuan, panduan waima kursus khas kaedah



menggunakan buku teks ini. Buku teks yang dihasilkan dengan menggunakan dana kerajaan seharusnya dimanfaatkan secara maksima.

Bagi memastikan isu yang sama dalam penulisan dan penggunaan buku teks bahasa Jepun tidak berulang serta semua pengguna buku teks sama ada murid-murid bahasa Jepun atau guru-guru bahasa Jepun beroleh manfaat yang optima, semua penulis buku teks bahasa Jepun KBSM daripada Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima haruslah bersikap terbuka dan jujur serta berkongsi pengalaman dan pendapat dengan bakal penulis buku teks supaya segala ilmu, maklumat, kelebihan mahupun kekurangan serta permasalahan dapat dijadikan panduan berguna dalam penghasilan buku-buku teks bahasa Jepun pada masa yang akan datang.

## **RUJUKAN**

- Buku Teks Bahasa Jepun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan Lima
- Buku Teks Bahasa Jepun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan Empat
- Buku Teks Bahasa Jepun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan Tiga
- Buku Teks Bahasa Jepun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan Dua
- Buku Teks Bahasa Jepun Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan Satu
- Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Jepun Tingkatan Lima, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia